



## SIARAN MEDIA

### PENGAMAL MEDIA TERIMA SUMBANGAN TABUNG KASIH@HAWANA

**PERLIS, 26 April 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil hari ini menziarahi dua bekas pengamal media yang kini sedang mengalami masalah kesihatan.

YB Fahmi dalam lawatan kerja ke negeri Perlis menyampaikan bantuan menerusi **Tabung Kasih@HAWANA** kepada **bekas juruhebah PERLISfm, Rahmah Ahmad** dan **bekas pemberita sambilan BERNAMA, Ramli Ismail** di kediaman mereka di Kuala Perlis dan Kangar.

Rahmah Ahmad, 70, disahkan menghidap sakit buah pinggang pada 2022 dan perlu mendapatkan rawatan dialisis tiga kali seminggu. Beliau pernah berkhidmat selama 30 tahun di Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) termasuk sebagai pembantu penulis skrip di unit drama RTM bermula 1974 hingga 1991. Beliau kemudiannya ditukarkan ke RTM Perlis dan berkhidmat sebagai juruhebah di PERLISfm selama 29 tahun sebelum bersara pada 2020.

Manakala Ramli Ismail, 74, merupakan bekas petugas sambilan di BERNAMA selama 24 tahun sejak 1997 hingga 2021. Terdahulu, beliau berkhidmat di Utusan Malaysia Biro Kedah dari 1972 hingga 1995.

Rahmah dan Ramli adalah antara 57 pengamal media yang menerima manfaat daripada Tabung Kasih@HAWANA sejak inisiatif itu diperkenalkan pada April 2023.

**Tabung Kasih@HAWANA** merupakan inisiatif Kementerian Komunikasi melalui Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) yang diwujudkan bertujuan menyantuni wartawan dan pengamal media, sama ada masih dalam perkhidmatan mahupun telah bersara, uzur atau memerlukan bantuan.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA, Nur-ul Afida Kamaludin dan Ketua Pengarang BERNAMA, Arul Rajoo Durar Raj.

**Dikeluarkan oleh:**

**Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)**